

P.U. (A) 128/2009

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 3 DAN 4)
2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 3 dan 4) 2009**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 26 Mac 2009.

Pindaan Jadual 3

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini dipinda dalam Jadual 3, dengan menggantikan perenggan 10 dengan perenggan yang berikut:

“10. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti bagi—

(a) akaunnya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungannya melalui seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti; atau

(b) akaunnya sendiri atau bagi akaun pelanggannya melalui bank berlesen bagi maksud pemberian pinjaman sekuriti di bawah apa-apa garis panduan

yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).”.

Pindaan Jadual 4

3. Bahagian 1 Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subbutiran 1(i) subbutiran yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Aktiviti</i>	<i>Kategori orang berdaftar</i>
“(j)	Pemberian pinjaman atau memudahkan pemberian pinjaman sekuriti bagi akaun sendiri atau bagi akaun pelanggan di bawah apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 377(1).	Bank berlesen

”.

Dibuat pada 17 Mac 2009
[KK/BPKA/K1(S)/483/128/1/1;PN(PU²)662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua